

<b>Headline</b>	<b>Budaya politik sihat perkukuh Umno</b>		
<b>Date</b>	<b>03. Jun 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Berita Harian</b>	<b>Page No</b>	<b>10</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Article Size</b>	<b>158 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>217920</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>2083000</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



## Budaya politik sihat perkukuh Umno

**S**AYA perhatikan selepas pilihan raya umum 8 Mac lalu, ramai ahli politik Barisan Nasional (BN) kerap melaung-laungkan ‘muhasabah’ diri. Akan tetapi, laungan itu sebenarnya ‘mengkritik’ daripada pelbagai sudut dan posisi.

Dalam agama jika ditinjau muhasabah bermaksud kita merenung salah silap diri dan bagaimana untuk memperkasa atau memperbaiki kelemahan. Tetapi, perkara ini jarang berlaku dalam senario politik semasa. Masalah dalam Umno ini sekiranya tidak diatasi secara rasional akan menjelaskan keyakinan masyarakat Malaysia termasuk pelabur asing.

Saya bukan ahli Umno, tetapi berpendapat Umno perlu bangun semula, memperkasa parti serta menerajui BN supaya mereka terus dihormati dan disegani masyarakat. Misalnya, isu keluar masuk parti bukan perkara baru dalam Umno.

Sindrom ini pasti memberi kesan kepada BN dan Pakatan Rakyat. Undang-undang ‘antilompat’ parti yang disarankan baru-baru ini wajar di segerakan supaya tidak mengundang masalah dalaman.

Saya berpendapat Umno perlu memboleh kembali prinsip dan perjuangan parti supaya terus relevan. Perbalahan sesama sendiri tidak membawa keuntungan, sebaliknya boleh menjelaskan nama baik parti dan negara.

Pembudayaan politik yang sihat dan berintegriti perlu disuburkan dalam parti komponen BN cukup penting kerana masyarakat semakin bijak mendapatkan maklumat.

Golongan belia perlu didekati secara berterusan dalam merencana tema pembangunan negara. Saya fikir setiap ahli politik BN perlu mempunyai pangkalan data untuk mengumpul pelbagai maklumat semasa dalam kawasan masing-masing.

Pangkalan data itu perlu dipaparkan dalam laman web dan mesra pengguna serta dikemas kini setiap minggu. Mereka juga perlu mempelajari latar belakang masyarakat dan kepelbagaian budaya agar kesilapan yang lalu dapat diperbaiki.

Pada masa sama, elok juga ahli politik merenung kembali pentingnya Rukun Negara supaya prinsip dan pegangannya dipertahankan untuk membina modal insan berkualiti di kalangan pemikiran ahli masyarakat yang pelbagai etnik sifatnya.

**DR SARJIT SINGH GILL,**  
*Fakulti Ekologi Manusia UPM.*